

07/12/1999

Penggabungan bank: Daim nafi selisih pendapat

Zulkofli Jamaludin

MENTERI Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, berkata tidak ada sebarang perselisihan pendapat di antara beliau dengan kerajaan dalam melaksanakan program penggabungan institusi perbankan.

"Saya sudah nyatakan keputusan penggabungan itu adalah keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Kebangsaan (MTEN) yang mana saya pengarah eksekutifnya.

"Keputusan itu adalah dasar kerajaan," katanya ketika mengulas mengenai desas-desus wujud perbezaan pendapat mengenai pelaksanaan penggabungan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan logo Sistem Taksir Sendiri (STS) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Kuala Lumpur, semalam, Daim berkata, sekiranya wujud konflik dalam penggabungan itu, beliau tidak akan bertanding dalam pilihan raya umum lalu.

"Tidak ada perbezaan pendapat mengenai pelaksanaan penggabungan itu," tegasnya.

Dalam pengumuman terbaru, bank-bank diberi tempoh yang lebih fleksibel dan kebebasan untuk mencari rakan niaga sendiri.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan mempertahankan langkah untuk memperlambatkan pelan penggabungan yang agresif dengan menegaskan, institusi kewangan memerlukan masa untuk penyatuan dan mungkin tidak dapat memenuhi sasaran 1 April depan bagi entiti gabungan memulakan operasi.

Dr Mahathir berkata, beliau menjangka penggabungan itu yang akan mengubah senario lanskap kewangan Malaysia, untuk menjadi kenyataan menjelang akhir 2000.

Sebelum ini, Bank Negara Malaysia mengumumkan cadangan mewujudkan enam bank induk menerusi proses penggabungan dalam tempoh yang ditetapkan.

Apabila ditanya sama ada benar beliau tidak akan menerima jawatan menteri kewangan di dalam kabinet baru, secara berseloroh, Daim berkata, beliau tidak dapat memberi sebarang jawapan kerana belum lagi ditawarkan jawatan berkenaan.

Mengulas sama ada terdapat sebarang perubahan dalam Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan semula, beliau turut berjenaka dengan menyatakan akan memainkan semula pita rakaman belanjawan berkenaan untuk menjimatkan masa.

"Saya mungkin tidak akan ada di sana lagi... dengan kerajaan baru," katanya sambil menambah, belanjawan yang dibentangkan dulu adalah janji kerajaan kepada rakyat dan kerajaan menghormati janji-janji itu.

Ditanya sama ada akan terdapat cukai perjudian yang baru berikutan keputusan kerajaan Sabah meningkatkannya sebanyak 10 peratus, beliau berkata, belum lagi.

(END)